



Saya tidak jangka dilantik Naib Canselor
UPM kini muncul sebagai pusat pengajian berdaya saing, mampu membentuk insan cemerlang

SEPANJANG 75 tahun penubuhannya, Universiti Putra Malaysia (UPM) melalui pelbagai fasa perubahan. Dari sebuah sekolah pertanian dengan kursus khusus ia berkembang menjadi universiti yang menawarkan kursus dalam pelbagai disiplin. Pada masa sama, kepemimpinan UPM juga sudah beberapa kali bertukar. Penolong Pengarang Berita, *Bertie Minggu*, AZRAN JAFFAR menemui Naib Canselor UPM yang baru, Prof Dr Nik Mustapha R Abdullah pada hari pertama memegang tugas berkenaan. Beliau bercerita mengenai pelantikannya dan hala tuju dalam membawa UPM ke landasan kecemerlangan.



“ Saya beruntung kerana menjadi kumpulan pertama pelajar Universiti Pertanian Malaysia. Jadi saya boleh lihat bagaimana kawasan ini membangun”

Prof Dr Nik Mustapha
R Abdullah
Nabi Camsoor UPM





SAYA mulakan tugas dengan bermesyuarat bersama Timbalan Naib Canselor (TNC). Hampir dua jam. Walaupun dulu saya TNC dan faham tugas canselori, tetapi sebagai NC memanglah ada perubahan... dulu saya membantu sekarang tanggungjawab lebih besar. Sebenarnya ramai orang menjangka pelantikan saya, tetapi saya sendiri tak jangka sebab sebelum ini saya TNC di bahagian pembangunan dan saya selesa kerana ia bidang saya.

Sebagai graduan bidang ekonomi, bidang pembangunan lebih dekat dengan saya... kena dengan jiwa saya. Cuma pada November tahun lalu portfolio berubah kepada Penyelidikan dan Inovasi. Walaupun saya aktif dalam bidang penyelidikan, tetapi dari segi pengurusannya bukan senang, tambahan pula ia membabitkan inovasi dan inovasi pun masih baru di negara ini.

Sejak tiga tahun kebelakangan ini kita banyak bercerita mengenai pengkomersialan, jadi ia agak baru. Banyak yang perlu dilihat... dari segi struktur. Dari segi penyelidikan, UPM sudah mantap cuma inovasi kita perlu beri lebih tekanan. Baru sebulan saya di sana dan memikirkan apa yang perlu dilakukan, dah kena pindah sebagai NC, jadi perkara itu akan saya serahkan kepada TNC baru.

Jika ditanya wawasan saya terhadap pelantikan ini, saya ingin menjadi jaguh dalam bidang pertanian. Sebagai bekas pelajar pertanian, saya ingin lihat pertanian bergerak selaras dengan kehendak kerajaan. Bagaimana kita hendak memajukan sektor pertanian di Malaysia. Saya tak mahu bila bercakap soal pertanian kita lihat orang miskin. Sudah

tentu dalam bidang pelajaran sumbangan kita lain, kita mungkin akan ada penemuan baru dalam bidang pertanian. Kita buat penyelidikan untuk orang lain ambil, untuk meningkatkan kekayaan dan nilai tambah. UPM adalah universiti yang berteraskan sains dan teknologi dan kita akan gunakan ini untuk memajukan sektor pertanian.

sektor pertanian.

Status berubah selepas 1972

SERDANG dulunya hutan manakala UPM asalnya Kolej Pertanian yang menawarkan subjek yang ada kaitan dengan pertanian. Tetapi apabila statusnya ditingkatkan menjadi universiti pada 1972, berlaku banyak perubahan. Saya beruntung kerana menjadi kumpulan pertama pelajar Universiti Pertanian Malaysia.

Jadi saya boleh lihat bagaimana kawasan ini membangun. Apabila tamat pengajian pada 1976 saya terus lanjutkan pelajaran. Apabila saya balik pada 1981, saya terkejut kerana tempat ini banyak berubah dan kawasan yang menjadi nostalgia sewaktu belajar sudah tiada. Banyak bangunan baru dan program juga sudah bertambah.

Sewaktu saya belajar dulu ada tiga program asas saja iaitu Pertanian, Perhutanan dan Veterinar serta Sains Haiwan. Apabila saya balik sudah ada Fakulti Sains, Kejuruteraan, Ekonomi, Sains Makanan, Pendidikan... sudah jadi universiti penuh. Masa itu fokus kita kepada pengajaran.

Tahun 1985 saya lanjutkan pelajaran sekali lagi dan apabila balik saya dapati budaya pendidikan di UPM sudah berubah kerana orang sudah mula bercerita tentang penyelidikan. Saya masuk dalam arus itu dan membabitkan diri dalam banyak penyelidikan sehingga dilantik sebagai profesor pada 1997. Saya dapat katakan saya ini bernasib baik kerana apabila pulang saya dilantik menjadi Ketua Jabatan Ekonomi Sumber Asli dan selepas tujuh tahun, saya dilantik sebagai Timbalan Dekan, menjaga pengajian siswazah dan penyelidikan. Tak berapa lama selepas itu saya menjadi Dekan Fakulti Ekonomi, mentadbir selama lima tahun.

Pengalaman di fakulti banyak mengajar saya... melihat masalah pelajar terutamanya Bumiputera, persoalan kualiti. Perkara paling tidak boleh saya lupakan adalah bagaimana saya dapat memperbaiki program Bachelor Perakaunan di mana pelajar Bumiputera rata-ratanya agak

lemah.

Kalau kita sebut saja pelajar perakaunan, ramai yang pening kepala. Jadi saya berbincang dengan Ketua Jabatan dan Akauntan Bertauliah, memikirkan bagaimana hendak memperbaiki pembelajaran mereka. Dalam masa lima tahun saya nampak perubahannya, makin ramai yang lulus. Mereka boleh berjaya, jika diasuh dengan cara yang betul. Masalah dengan pelajar Bumiputera ialah kalau kita lepaskan mereka begitu saja, tak boleh, apatah lagi dalam bidang sebegini. Inilah sumbangan saya kepada fakulti.

Kalau tanya masalah mereka, apa yang dapat saya katakan kursus perakaunan agak susah, kerana masa belajar dulu saya juga pernah mengambil subjek ini dan kalau diajar begitu saja, tak boleh. Perakaunan agak mekanikal, kalau asasnya tak betul, sampai bila pun dia tak boleh buat. Dalam hal ini saya salahkan sekolah juga dan pengajaran perlu diperbaiki kerana kalau langkah awal tak betul, sampai ke atas tak betul.

Begitu juga bagi kursus ekonomi, saya perhatikan... asasnya tak kuat, kerana di peringkat tinggi memerlukan kemahiran Matematik. Kalau ada asas ini boleh buat, kalau tidak merangkaklah. Apa yang penting juga pelajar Bumiputera perlu dibimbang. Bukan di fakulti ekonomi, mana-mana program pun, saya lihat permulaan kita agak lemah, tetapi apabila sudah masuk ke peringkat penerapan mereka sudah *pick-up*.

Evolusi sepanjang 75 tahun UPM

TAHUN ini UPM mencapai usia 75 tahun. Evolusinya bermula dari sekolah pertanian pada 1931, tahun 1947 Kolej Pertanian, tahun 1972 Universiti Pertanian dan tahun 1997 Universiti Putra Malaysia. Jika diikutkan memang sudah cukup matang terutama dalam bidang pertanian. Sambutan akan diadakan untuk ini yang mana kita ingin memberitahu orang ramai pencapaian kita dalam tempoh itu. Banyak aktiviti yang kita telah susun. Alumni kita pun ramai yang berjaya.

Kita bermula dari sebuah sekolah pertanian yang agak naif, tujuan pembentukannya agak lain. Apabila

Bila asas mereka kuat, insya-Allah pelajar Bumiputera dapat bersaing. Kita kena fikir, pelajar Bumiputera kebanyakannya dari luar bandar. Per mulaan mereka tak sama. Walaupun lulus peperiksaan sama dengan pelajar bukan Bumiputera, latar belakang mereka berbeza.

Itu dulu, tetapi sekarang sebagai NC saya perlu melihat keseluruhan pelajar. Saya sudah bincangkan perkara ini dengan TNC dan ia agenda pertama saya... usaha kita ke arah meningkat prestasi semua pelajar termasuklah Bumiputera. Apa yang saya lihat, pencapaian pelajar Bumi putera akan baik jika diberikan pendekatan problem based, student centred learning. Ini caranya, kerana dari segi kognitif mereka bagus tetapi psiko-motor mereka kurang. Ini yang kita hendak baiki. *Skill*, kefahaman mereka kurang. Kalau dulu saya hanya lihat satu fakulti, sekarang 16 fakulti... *diversity* berbeza, apa yang perlu ialah bagaimana hendak menguruskan *diversity* ini.

Prof Dr Nik Mustapha R Abdullah

JAWATAN: Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM)

TARIKH LAHIR: 26 Disember 1954

ASAL: Kelantan

PENDIDIKAN:

- PhD (Pertanian dan Sumber Ekonomi), Oregon State University, 1988

- M.S. (Pertanian dan Sumber Ekonomi), Oregon State University, 1980

- B.S. (Sumber Ekonomi), University of California, Davis, 1979

- Dip Pertanian, Universiti Pertanian Malaysia, 1976

PENGKUSUSAN: Perikanan dan Ekonomi Rekreasi

KERJAYA:

- 1981 - Pensyarah, Jabatan Ekonomi Sumber Asli

- 1989 - Ketua Jabatan Ekonomi Sumber Asli

- 1993 - Profesor Madya

- 1997 - Profesor

- 1997 - Timbalan Dekan Fakulti Fakulti Ekonomi dan Pengurusan

- 1999 - Dekan Fakulti Ekonomi dan Pengurusan

- 2004 - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)

kita bergerak ke tahap hari ini, tujuan kita sudah berbeza. Universiti juga harus fokus kepada perkara lain. Dulu kita keluarkan tenaga kerja tetapi sekarang lain.

Universiti adalah gedung ilmu dan ia bersifat universal, jadi semua ilmu kita patut pelajari. Pembangunan universiti akan bergerak ke arah itu. Dulu apabila kita fokus kepada pertanian ia bagus, tetapi pada masa itu Universiti Pertanian juga ada bidang lain - sains sosial, ekonomi, kejuruteraan. Namun saja pertanian, disebabkan atas penubuhannya.

Tetapi sekarang pertanian tetap ada, kita tak lupa, cuma bukan dalam bentuk yang sama. Apabila kita bergerak, selaras dengan perubahan zaman, pertanian juga sudah dalam bentuk yang moden. Kalau kita tukar nama pun tak jadi masalah, tetapi ia menunjukkan lebih multi-discipline. Banyak cabang ilmu yang kita boleh

adunkan dengan pertanian untuk bergerak lebih maju... tambah nilai.

Pertanian menjana kekayaan

SELARAS dengan kehendak Perdana Menteri, pertanian menjadi tunggak, bukan pertanian ditakuk lama, tetapi pertanian yang menjana kekayaan. Ini tujuan kita. Dengan mengambil kira ini dan apabila kita bergerak sebagai Universiti Putra, lebih universal namanya. Dengan disiplin yang lebih banyak ia dapat membantu pertanian bergerak lebih maju.

Orang kata apa ada pada nama, pada saya banyak... ia memberi impak yang besar. Saya nak kongsi satu



Prof Dr Nik Mustapha R Abdullah

Perubahan UPM mesti bawa kesan positif

pengalaman. Pada waktu itu saya di fakulti ekonomi dan UPM masih Universiti Pertanian. Apabila sampai masa pengambilan pelajar, kita ni yang last... tak ada orang pilih nak datang Universiti Pertanian. Mereka kata, nak belajar ekonomi di Universiti Pertanian... lebih baik pilih Universiti Melaya, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Apabila kita tukar nama, bila sampai pemilihan pelajar, tempat kita penuh. Begitu juga dalam bidang perubatan... orang akan tanya kenapa Universiti Pertanian keluarkan doktor. Kita tak hendak didiskriminasi dari segi nama. Kita hendak menjadi universal.

University thrive on diversity. Lagi banyak perbezaan lagi bagus ilmu. Orang mungkin dah sebat dengan nama pertanian, apa saja perubahan memang ramai yang tak dapat terima. Tetapi kita kena lihat dari sudut positif, ia banyak membawa kebaikan. Pertanian kita tak lupakan kerana ia asas kita. UPM satu-satunya universiti yang ada program pertanian, veterinar. Cuma kita adunkan dengan teknologi maklumat, bioteknologi untuk memantapkaninya.

Dengan tumpuan kerajaan terhadap bidang pertanian, banyak yang UPM boleh sumbangkan. Wawasan kita adalah menggunakan ilmu yang ada untuk kekayaan negara dan kesejahteraan manusia sejagat. Perdana Menteri dalam bajet 2004 ada menyatakan keinginan meningkatkan kecemerlangan dalam pendidikan pertanian di UPM. Untuk itu kita telah tubuhkan pusat kecemerlangan.

Tidak lagi cangkul, sawah

YANG menyukarkan orang untuk menerima dari Pertanian kepada Putra ialah pada waktu itu pun pertanian kita sudah berbeza tingkatnya. Kita tak cerita lagi pasal cangkul dan sawah, tetapi kultur tisu, produk farmaseutikal... yang boleh dikeluarkan dari pertanian... menyebabkan orang melihat UPM dah tak fokus kepada pertanian, tetapi bioteknologi, sedangkan bioteknologi yang kita tekankan adalah yang berasaskan kepada pertanian.

Contohnya kita guna serai wangi untuk keluarkan minyak wangi. Ini yang menggandakan nilai serai wangi. Ini kekuatan UPM. Kalau dulu orang nampak, datang Universiti Pertanian beli telur, beli ayam,

tetapi sekarang lain, kita jual minyak wangi, produk perubatan alternatif.

Bagi meningkatkan lagi fokus dalam bidang pertanian, UPM akan mulakan program Asasi Pertanian untuk pelajar lepasan SPM dan pengambilan pertama pada Julai nanti. Kursus selama tiga semester dan selepas itu mereka akan masuk fakulti yang berteraskan pertanian untuk peringkat ijazah. Sebenarnya kita ingin adakan lebih awal, tetapi disebabkan lambat mendapat kelulusan jadi kita terpaksa tangguhkan dan tahun ini baru pengambilan pertama. Waktu itu yang memohon hampir 4,000 tetapi tempat hanya 30.

Dari segi penggunaan tanah untuk pembangunan UPM, saya rasa kita sudah cukup dan pada masa sama kita juga inginkan ruang terbuka... macam kawasan di Taman Pertanian Universiti kita memang tak sentuh kerana ia untuk pertanian.

Kita juga ada tanah seluas 400 ekar di Puchong dan akan digunakan untuk memartabatkan pertanian... sebagai pusat inkubator pertanian. Ada ternakan ikan, ayam, germ plasm, kultur tisu. Ini digunakan supaya pelajar dapat hands-on. Kita juga ada hutan simpan di Air Hitam, untuk perhutanan.

Saya akui UPM mengeluarkan bilangan yang besar siswazah setahun, baik bagi program sepenuh masa, separuh masa dan Pengajian Jarak Jauh (PJJ).

Tetapi saya tak risau dengan pelajar PJJ dan separuh masa. PJJ adalah pendidikan berterusan, seperti guru yang ingin meningkatkan pencapaian, begitu juga dengan pelajar separuh masa yang mana mereka tidak boleh meninggalkan pekerjaan, jadi datang belajar pada waktu malam atau hujung minggu. Kalau ada peluang untuk naik pangkat Alhamdulillah. UPM menyahut seruan kerajaan memberi peluang kepada orang ramai untuk belajar.

Tapi bagi yang sepenuh masa kita sedikit risau tentang peluang mereka mendapat pekerjaan. Itu sebabnya kita peka antara keperluan pekerjaan dan program yang ada. Kita hendakkan inovasi berlaku dalam hal ini.